

ANEURINE TABLET

Thiamine Mononitrate (3mg / 10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Aneurine Tablet
2. Bagaimana Aneurine Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Aneurine Tablet
4. Cara menggunakan Aneurine Tablet
5. Semasa menggunakan Aneurine Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Aneurine Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Aneurine Tablet

Aneurine Tablet mengandungi *thiamine mononitrate* iaitu Vitamin B1. Ia digunakan dalam pencegahan dan rawatan untuk kekurangan *thiamine* (Vitamin B1). Walaupun *thiamine* terdapat secara semulajadi dalam makanan, kadang-kadang badan kita memerlukan penggunaan suplemen kerana makanan kita tidak mengandungi *thiamine* yang mencukupi ataupun kurang dihadam oleh badan kita.

Bagaimana Aneurine Tablet berfungsi

Thiamine membantu badan menukar karbohidrat kepada glukos yang digunakan oleh badan untuk menghasilkan tenaga. Ia juga bantu badan memetabolismekan lemak dan protein.

Sebelum mengambil Aneurine Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Aneurine Tablet jika anda:

- alah kepada *thiamine* atau sebarang bahan-bahan lain yang terdapat dalam Aneurine Tablet

- mempunyai *Wernicke's encephalopathy* (gangguan neurologi yang disebabkan oleh kekurangan *thiamine*, vitamin B1).

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil Aneurine Tablet jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Aneurine Tablet jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika:

- Anda mempunyai alahan kepada *thiamine* atau mana-mana bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini seperti yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- Anda mengambil atau meminum alkohol kerana ia boleh menghalang penyerapan *thiamine*
- Anda mengandung atau bercadang untuk hamil.
- Anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang boleh diperolehi tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Aneurine Tablet

-Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa

Untuk kekurangan *thiamine* yang ringan kronik: 5 mg hingga 30 mg setiap hari.

Untuk kekurangan *thiamine* yang teruk: sehingga 300 mg setiap hari boleh diberikan

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan Aneurine Tablet untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat itu pada masa yang dijadualkan seterusnya. Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini boleh meningkatkan peluang anda mendapat kesan-kesan sampingan yang tidak diingini.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau orang lain terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Aneurine Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi.

Semasa mendapat rawatan lain, maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Aneurine Tablet.

ANEURINE TABLET

Thiamine Mononitrate (3mg / 10mg)

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Tiada kajian mengenai kesan keupayaan memandu dan menggunakan mesin telah dilakukan. Bagaimanapun, pengguna perlu diberi amaran untuk melihat bagaimana mereka bereaksi, sebelum memandu atau mengendalikan mesin.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi Aneurine Tablet dengan orang lain, walaupun tanda-tanda mereka kelihatan serupa dengan anda.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan dengan arahan doktor.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau sedang menyusukan bayi, jangan ambil Aneurine Tablet tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Aneurine Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Ruam kulit atau gatal-gatal boleh berlaku pada individu yang ada alahan kepada *thiamine*.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Aneurine Tablet

-Penyimpanan

Simpan semua ubat daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang diterterakan pada pek bungkusan.

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Aneurine Tablet 3mg:

Tablet bulat, rata tepi serong, berwarna kuning cair, ditanda dengan huruf 'KK' pada satu sisi.

Aneurine Tablet 10mg:

Tablet bulat, rata tepi serong, berwarna merah jambu, ditanda dengan huruf 'KK' pada satu sisi.

-Bahan bahan kandungan

Aneurine Tablet 3mg:

-Bahan aktif:

Thiamine Mononitrate 3mg

-Bahan tidak aktif:

Quinoline Yellow, Starch, Acacia, Lactose, Magnesium Stearate, Sunset Yellow, Talcum

Aneurine Tablet 10mg:

-Bahan aktif:

Thiamine Mononitrate 10mg

-Bahan tidak aktif:

Starch, Acacia, Ponceau 4R, Lactose, Magnesium Stearate, Talcum

-Nombor MAL

Aneurine Tablet 3mg:

MAL19961340X

Aneurine Tablet 10mg:

MAL19961341X

Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

24/08/2017

Nombor Siri

NPRA (R4/1)070817/00192